

D510

B 8885 AAB  
MAHATHIR-ISLAM

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN PUTUS ASA MENGHAPUSKAN KECURANGAN DI PERINGKAT PENGURUSAN DALAM SEMUA BIDANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TUGAS INI SELARAS DENGAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 UMNO DI SINI.

WALAUPIUN MEREKA YANG +MENYAMUN DUIT ORANG LAIN YANG DIAMANAHKAN KEPADA MEREKA+, TELAH DIKENAKAN TINDAKAN, MALANGNYA KERAJAAN BELUM MENDAPATKAN BUKTI SECUKUPNYA MENGENAI KECURANGAN PARA PENGARAH, PENGURUS DAN PENIAGA ITU, KATANYA.

PRESIDEN UMNO ITU BERAZAM + AKAN KITA TENTUKAN PENIPU AKAN MENERIMA BALASAN YANG SETIMPAL DENGAN JENAYAHNYA+.

KERAJAAN AKAN MENERAPKAN DI ANTARA LAIN NILAI-NILAI SEPerti PERSAUDARAAN, DISIPLIN, KEJUJURAN DAN TUNTUTAN KEKAYAAN DI DUNIA SECARA HALAL DALAM USAHANYA MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM, KATA BELIAU.-- LAGI

1259MST 24 04 87

D512

B 8886 AAB  
MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA TIDAK AKAN MEMBIARKAN GOLONGAN YANG TERTEKAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI MENJADI SASARAN TINDAKAN BANK-BANK.

KERAJAAN TELAH MENASIHATKAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN SUPAYA JANGAN TERLALU KERAS MENUNTUT BAYARAN ATAU MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

KERAJAAN TIDAK MAHU MELIHAT PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA KHUSUSNYA, TERSEKAT APABILA EKONOMI PULIH SEMULA, KATANYA. -- BERNAMA  
1303MST 24 04 87